

Legasi Tunku Abdul Rahman jadi panduan bina negara

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mahu legasi kepemimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj terus menjadi panduan dalam usaha membina negara yang lebih baik untuk generasi mendatang.

Malah, Anwar turut menyatakan pentadbiran Malaysia MADANI akan terus dikemudi dengan nilai perpaduan, integriti dan keadilan buat semua, iaitu konsep diwariskan daripada Tunku Abdul Rahman.

Perdana Menteri menyatakan perkara itu sebagai mengenang ulang tahun keputeraan sosok negarawan ulung terbabit, semalam.

Anwar yang menghargai jasa Almarhum menyifatkan nama Perdana Menteri pertama itu tidak hanya terukir dalam sejarah sebagai Bapa Kemerdekaan negara, sebaliknya sebagai simbol kesepakatan dan perpaduan yang menyatukan pelbagai kaum dalam satu identiti nasional yang harmoni.

“Keghairahan Almarhum dalam memastikan negara ini kekal aman dan harmoni harus terus menjadi inspirasi kepada kita semua, terutama dalam menghadapi cabaran masa kini.

“Dalam mengemudi Malaysia MADANI, saya berpegang teguh kepada nilai yang diwariskan Almarhum selain bertekad untuk meneruskan perjuangan demi negara yang lebih sempurna serta makmur buat semua.

“Sumbangan Almarhum pastinya akan menjadi inspirasi untuk menjunjung nilai perpaduan dan keamanan yang membentuk kesatuan negara kita,” katanya melalui catatan di media sosialnya, semalam.

Pada masa sama, Anwar turut mendoakan semoga roh Tunku Abdul Rahman dilimpahkan ganjaran ihsan dan rahmat Allah SWT.